

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah dibuat di bawah Perkara 83(3))

PERINTAH SIJIL HALAL DAN LABEL HALAL (PINDAAN), 2008

SUSUNAN BAB-BAB

Bab

1. Gelaran dan permulaan kuatkuasa.
 2. Pindaan bab 14 dari S 39/05.
 3. Pindaan bab 23.
 4. Pemasukan bab 42A baru.
 5. Penggantian Jadual Pertama.
 6. Penggantian Jadual Kedua.
 7. Penggantian Jadual Ketiga.
-

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah dibuat di bawah Perkara 83(3))

PERINTAH SIJIL HALAL DAN LABEL HALAL (PINDAAN), 2008

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh Perkara 83(3) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut —

Gelaran dan permulaan kuatkuasa.

1. Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Sijil Halal dan Label Halal (Pindaan), 2008 dan hendaklah mula berjalan kuatkuasanya pada tarikh yang sama dengan Perintah Sijil Halal dan Label Halal, 2005 (S 39/05), dalam Perintah ini disebut sebagai Perintah utama.

Pindaan bab 14 dari S 39/05.

2. Bab 14 dari Perintah utama adalah dipinda, dalam ceraian (1)/d), dengan memotong "District-General" dan menggantikannya dengan "Director-General".

Pindaan bab 23.

3. Bab 23 dari Perintah utama adalah dipinda, dalam ceraian (1), dengan memotong "tidak lewat dari 14 hari" dari baris kedua terakhir dan menggantikannya dengan "dengan seberapa segera yang boleh".

Pemasukan bab 42A baru.

4. Perintah utama adalah dipinda dengan memasukkan bab baru yang berikut sejurus selepas bab 42 —

"Perwakilan.

42A. (1) Majlis boleh mewakilkan kepada mana-mana orang perjalanan sebarang kuasa atau perlaksanaan sebarang kewajipan yang diberikan atau dikenakan kepadanya oleh Perintah ini, kecuali bagi kuasa perwakilan yang diberikan oleh bab ini.

(2) Suatu perwakilan di bawah ceraian (1) boleh dibuat tertakluk kepada syarat-syarat sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Majlis dalam suratcara perwakilan.

(3) Majlis boleh terus menjalankan sebarang kuasa dan melaksanakan sebarang kewajipan yang diberikan atau dikenakan kepadanya oleh Perintah ini walaupun kuasa atau kewajipan itu diwakilkan olehnya.".

WARTA KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Penggantian Jadual Pertama.

5. Perintah utama adalah dipinda dengan memansuhkan Jadual Pertama dan menggantikannya dengan Jadual baru yang berikut —

"JADUAL PERTAMA

(bab 6(1))

**MAJLIS UGAMA ISLAM
RELIGIOUS COUNCIL**

**NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
BRUNEI DARUSSALAM**

**SIJIL HALAL
HALAL CERTIFICATE**



Sijil Halal yang dikeluarkan di bawah bab 6(1) dari Perintah Sijil Halal dan Label Halal, 2005

Halal Certificate issued under section 6(1) of Halal Certificate and Halal Label Order, 2005

Nama perniagaan <i>Name of business</i>	
Nama pemilik <i>Name of owner/s</i>	
Skop pensijilan halal bagi perniagaan <i>Scope of halal certification to business</i>	
Alamat tempat berniaga <i>Address of place of business</i>	
No. Sijil Pendaftaran Perniagaan <i>Certificate of Business Registration No.</i>	No. Lesen Rampaian <i>Miscellaneous Licence No.</i>

21hb. OGOS, 2008

DIKELUARKAN PADA:
ISSUED ON

SAH SEHINGGA:
VALID UNTIL

Tarikh:
Date:
Setiausaha Majlis Ugama Islam
Secretary of the Religious Council".

Penggantian Jadual Kedua.

6. Perintah utama adalah dipinda dengan memansuhkan Jadual Kedua dan menggantikannya dengan Jadual baru yang berikut —

"JADUAL KEDUA (bab 9(2))

LABEL HALAL



WARTA KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Penggantian Jadual Ketiga.

7. Perintah utama adalah dipinda dengan memansuhkan Jadual Ketiga dan menggantikannya dengan Jadual baru yang berikut —

"JADUAL KETIGA

(bab-bab 12(1)
dan 43(5))

**MAJLIS UGAMA ISLAM
RELIGIOUS COUNCIL**

**NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
BRUNEI DARUSSALAM**

PERMIT

Bab 12(1)/43(5) dari Perintah Sijil Halal dan Label Halal, 2005
Section 12(1)/43(5) of Halal Certificate and Halal Label Order, 2005



.....
(Nama dan tempat perniagaan)
(Name and place of business)

adalah dibenarkan untuk menggunakan Label Halal di atas
is authorised to use the Halal Label as above

pada bungkusan-bungkusan (nama makanan)
on packages of (name of food)

21hb. OGOS, 2008

DIKELUARKAN PADA:
ISSUED ON

SAH SEHINGGA:
VALID UNTIL

Tarikh:
Date:
Setiausaha Majlis Ugama Islam
Secretary of the Religious Council".

Diperbuat pada hari ini 16 haribulan Syaaban, Tahun Hijrah 1429 bersamaan dengan 18 haribulan Ogos, 2008 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM